

BIAS PENGAJARAN GURU DALAM PELAJARAN KHAS DAN PELAJARAN NORMAL

Mohd Najib Ghafar & Sanisah Jahaya
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Program Pendidikan Inklusif untuk kanak-kanak berpendidikan khas ini dimulakan pada tahun 1987 dibawah Kementerian Pendidikan. Ia digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Program Pendidikan Inklusif ini menitik beratkan suatu program Pendidikan Inklusif bagi murid-murid dengan keperluan khas yang boleh menghadiri didalam kelas biasa belajar bersama-sama dengan murid-murid biasa. Oleh itu satu kajian telah dijalankan di beberapa buah sekolah yang mengamalkan kelas pemulihan dan kelas bermasalah pembelajaran. Bagi meninjau pendapat guru-guru pendidikan khas dan guru kelas biasa berkaitan dengan perbezaan cabaran yang dihadapi semasa Pembelajaran dan Pengajaran. Kajian ini dibuat ke atas guru Pendidikan Khas dan guru biasa di dua puluh lima buah sekolah rendah Daerah Johor Bahru, Johor. Kajian dijalankan dengan menggunakan sebanyak 28 item soal selidik. Sebanyak 80 responden telah memberi maklum balas bagi kedua-dua jenis guru ini. Hasil dapatan menunjukkan guru-guru mempunyai sikap yang sederhana dalam melaksanakan Pendidikan Inklusif ini, walaupun terdapat beberapa halangan seperti masa, tugas sampingan dan pengetahuan. Melalui beberapa cadangan yang dikemukakan, diharap kelemahan-kelemahan dalam pembelajaran dan pengajaran inklusif ini dapat di atasi oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

PENGENALAN

Sejarah permulaan pendidikan khas berkait rapat dengan bidang perubatan dan ahli-ahli perubatan. Walau bagaimanapun di awal abad ke 20, perkembangan Pendidikan Khas didorong oleh kemunculan dan kemajuan dalam bidang-bidang psikologi dan sosiologi. Perkembangan yang signifikan berkait dengan usaha-usaha dalam ujian-ujian Mental. Seterusnya para pendidik pula mula memberikan perhatian kepada pendidikan untuk kanak-kanak cacat dan menyedari perlunya kanak-kanak tersebut diberikan pendidikan yang sesuai dengan keupayaan mereka. Namun demikian, golongan yang aktif diperingkat awal (dan masih berterusan lagi) menyediakan peluang pendidikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas ialah badan-badan kebajikan, badan-badan agama dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Sejarah pendidikan khas di Malaysia pula bermula dengan penubuhan Sekolah Rendah St. Nicholas di Melaka oleh pihak Gereja Anglikan pada tahun 1926 (berpindah ke Pulau Pinang pada tahun 1931).

Sekolah tersebut ialah untuk anak-kanak bermasalah penglihatan (buta). Sekolah buta yang kedua ialah Sekolah Rendah Princess Elizabeth, Johor Bahru pada tahun 1948. Sementara itu sekolah pertama yang dibuka untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran (pekak) ialah pada tahun 1954 di Tanjong Bunga, Pulau Pinang. Kementerian Pendidikan mula terlibat dengan penubuhan kelas bercantum masalah penglihatan pada tahun 1962 dan masalah pendengaran pada tahun 1963. Pada tahun 1962 juga latihan perguruan khas untuk masalah penglihatan dimulakan di Maktab Perguruan Ilmu Khas dan pada tahun berikutnya pula untuk masalah pendengaran. Seterusnya untuk melicinkan pengurusan pendidikan khas satu Unit Pendidikan Khas ditubuhkan di Bahagian sekolah, Kementerian Pendidikan pada tahun 1964. Berikutan penstrukturan semula Kementerian Pendidikan pada Oktober 1995, Unit Pendidikan Khas di Bahagian Sekolah telah ditingkatkan menjadi sebuah Jabatan tersendiri, iaitu Jabatan Pendidikan Khas.

LATAR BELAKANG MASALAH

Hallahan dan Kauffman, (1977) menyatakan Pendidikan Khas bermakna pengajaran yang direka khas untuk memenuhi keperluan-keperluan yang luar biasa seseorang kanak-kanak yang luar biasa. Bahan-bahan khas, teknik-teknik pengajaran, atau peralatan dan / atau kemudahan-kemudahan diperlukan. Culatta dan Tompkins (1999) menyatakan Pendidikan Khas ialah pengajaran yang bercorak individu direka untuk memenuhi keperluan-keperluan pendidikan dan berkaitan dengan murid-murid kurang upaya. Pendidikan Khas menyediakan peluang-peluang pembelajaran yang tidak disediakan dalam kurikulum yang baku atau biasa atau perkhidmatan-perkhidmatan sekolah biasa.

Kedua-dua definisi di atas menegaskan ciri-ciri pendidikan khas, iaitu:

- a. Rancangan pengajaran yang direka khas
- b. Rancangan pengajaran yang bersifat individu
- c. Bahan-bahan khas
- d. Teknik pengajaran khas
- e. Kemudahan / peralatan khas

Kirk et al (1993) menjelaskan definisi kanak-kanak berkeperluan khas sebagai kanak-kanak yang berbeza dari kanak-kanak sederhana atau biasa dalam ciri-ciri mental, keupayaan-keupayaan deria dalam ciri-ciri saraf dan otot atau fizikal dalam tingkahlaku sosial atau emosi dalam keupayaan Komunikasi atau dalam pelbagai kekurangan sehinggakan ia memerlukan amalan-amalan sekolah yang diubahsuai, atau perkhidmatan-perkhidmatan pendidikan khas, supaya ia boleh berkembang sehingga kemampuan yang maksimum.

Kanak-kanak berkeperluan khas juga dikenali sebagai kanak-kanak istimewa kerana keadaan mereka adalah berbeza disebabkan oleh faktor-faktor fizikal, otak dan emosi mereka yang tidak sama dengan kanak-kanak biasa. Justeru pertumbuhan dan perkembangan diri mereka- fizikal, otak emosi dan sosial-tidak menyamai kanak-kanak biasa. Lazimnya keupayaan maksimum mereka dalam semua bidang jauh berkurangan daripada kanak-kanak biasa. Di samping itu tingkahlaku mereka juga adalah tersendiri dan berbeza mengikut jenis kecacatan atau masalah yang dialami. Contohnya tingkahlaku kanak-kanak autisme tidak sama dengan kanak-kanak Down Sindrom. Kanak-kanak autisme berada dalam dunianya sendiri dan tidak pedulikan orang, sementara kanak-kanak Down Sindrom sukakan orang.

Pada amnya kecacatan atau masalah yang dialami oleh kanak-kanak berkeperluan khas boleh dikategorikan seperti berikut:

- a. masalah pendengaran
- b. masalah penglihatan
- c. masalah pembelajaran
- d. masalah tingkahlaku
- e. masalah pertuturan
- f. spastik (cerebral palsy)
- g. terencat akal
- h. cacat anggota

Selain daripada kanak-kanak yang telah dikenalpasti berkeperluan khas, ada lagi kumpulan kanak-kanak terancam (*children at risk*). Mereka tidak mempunyai kecacatan, tetapi berkemungkinan besar akan mengalami mudarat disebabkan oleh keadaan-keadaan negatif yang mengelilingi diri mereka semenjak kecil, sewaktu membesar serta dalam persekitaran yang tidak sihat. Kumpulan ini termasuklah mereka yang mengalami kesukaran untuk belajar, bergaul / bersosialisasi dan membesar dalam bilik darjah biasa, gagal pelajaran dan lain-lain lagi. Kumpulan ini berkemungkinan dan memang memerlukan Pendidikan Khas. Seseorang murid dengan keperluan khas adalah boleh dididik jika dia mampu untuk mengurus diri sendiri tanpa bergantung kepada bantuan orang lain dan disahkan oleh suatu panel yang terdiri daripada pengamal perubatan, pegawai dari Kementerian Pendidikan dan pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebagai berupaya mengikut Program Pendidikan Kebangsaan Inklusif (murid berkeperluan khas belajar dengan murid biasa di dalam kelas biasa). Kurikulum yang direka khas untuk murid-murid lambat tidak ada. Justeru mereka belajar dalam kelas-kelas biasa, mengikut kurikulum biasa, ujian dan seumpamanya. Murid-murid tersebut tidak dapat mengikuti pelajaran seperti murid-murid biasa kerana tempuh mereka belajar adalah lebih lambat daripada murid-murid biasa. Akibatnya mereka akan tercicir dan mungkin tersingkir. Murid-murid tersebut ada di kebanyakan sekolah dan mereka memerlukan perhatian khas serta pemulihan. Justeru pihak sekolah perlu prihatin terhadap kelompok tersebut agar mereka dapat menikmati kejayaan, tetapi mengikut kebolehan serta kadar kemampuan mereka.

Hala tuju pendidikan untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas pada masa kini ialah ke arah mengintegrasikan mereka dengan kanak-kanak normal. Untuk itu usaha-usaha tertentu hendaklah dilakukan bagi merealisasikan matlamat berkenaan. (Geatheart, Weishahn & Gearheart, 1992). Sementara itu beberapa kajian pula menunjukkan terdapat faktor-faktor tertentu menghalang kepada kejayaan dan keberkesanan program-program Pendidikan Khas yang berkonsepkan integrasi ini. Antara faktor-faktor tersebut ialah sumber yang terhad, sikap yang negatif dan kurangnya guru-guru terlatih dalam melaksanakannya (Ysseldyke dan Alozzine, 1982).

Dengan kesedaran tentang pentingnya integrasi dikalangan pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk mendapatkan pendidikan bersama pelajar-pelajar normal maka pendidikan yang bercorak pengasingan sudah tidak sesuai. Kini keperluan pendidikan pelajar-pelajar berkeperluan khas berorientasikan kepada komuniti sebenar. Mereka sememangnya berhak untuk belajar seiring rakan-rakan normal yang sebaya dengan mereka di sekolah-sekolah biasa. Bagaimanakah pelajar-pelajar berkeperluan khas ini dapat belajar di program-program percantuman Pendidikan Khas di sekolah-sekolah biasa ? Adakah guru-guru kelas biasa mahu pun pentadbir sekolah dapat mengurus dan memenuhi keperluan khas pelajar-pelajar berkenaan ? . Sudah pasti ianya memerlukan pengetahuan dan kemahiran tertentu untuk melaksanakannya. Oleh yang demikian, melatih dan menyediakan guru-guru khas bagi mendidik pelajar-pelajar berkeperluan khas ini adalah menjadi satu keperluan. Kewujudan program-program Pendidikan Khas di sekolah biasa, merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi oleh guru-guru kelas dan pentadbir di sekolah-sekolah biasa (Marozas dan May, 1988). Sikap positif semua personal memainkan peranan penting bagi mewujudkan program percantuman Pendidikan Khas yang efektif. Di sini, guru Pendidikan Khas memainkan peranan yang amat penting sebagai ejen pemangkin bukan sahaja kepada kejayaan pelajar itu sendiri bahkan juga kepada keberkesanan dan kejayaan sesebuah program Pendidikan Khas.

Satu kajian telah dijalankan di beberapa buah sekolah yang mengamalkan kelas pemulihan dan juga kelas bermasalah pembelajaran. Bagi tujuan meninjau pendapat guru Pendidikan Khas berkaitan dengan kedudukan mereka di sekolah dan pandangan serta kerjasama oleh guru dan guru besar kepada mereka:

- a. Pembahagian tugas : Guru bilik darjah biasa tidak memberi sokongan dan kerjasama kepada pengajaran pemulihan dan murid-murid berpendidikan khas yang diletakkan dalam kelas inklusif.
- b. Penyelarasan pengajaran: Terdapat jurang perhubungan antara guru bilik darjah biasa dengan guru Pendidikan Khas. Guru Pendidikan Khas memisahkan diri dan pengajaran daripada kurikulum biasa. Tidak ada penyelarasan antara isi kurikulum kelas biasa dengan kelas pemulihan. Keadaan ini menjejaskan pembelajaran murid.

- c. Tanggungjawab : Guru kelas biasa menjauhkan diri dari terlibat dengan program khas pemulihan. Banyak kajian menunjukkan bahawa terdapat kurang kerjasama yang ditunjukkan oleh guru kelas biasa ini dan ini didapati salah satu yang menjadi faktor murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran.
- d. Beban tugas : Guru Pendidikan Khas banyak diberikan tugas ko-kurikulum dan lain-lain apabila mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna, ia memberi gambaran yang negatif kepada guru lain sebagai tidak bertanggungjawab dan tidak bekerjasama.
- e. Alatan / Kelengkapan : Keadaan bilik darjah untuk murid-murid Pendidikan Khas yang jauh terasing, atau ditempat yang tidak selesa seperti dibawah tangga, dekat dengan kantin, dan bilik yang terlalu kecil. Kelengkapan asas juga tidak ada, atau tidak mencukupi.
- f. Hubungan dengan guru besar dalam program Pendidikan Khas : Guru besar kurang mendapat pendedahan mengenai program pemulihan atau kelas Pendidikan Khas. Keadaan ini ada kalanya menjadikan guru besar menganggap kerja dan tanggungjawab guru Pendidikan Khas senang dan ringan. Oleh itu mereka diberikan tugas lain seperti menjadi Guru Sumber atau bilik sumber, atau jawatan-jawatan lain.
- g. Hubungan dengan ibubapa yang mempunyai anak istimewa: Ibubapa kurang menunjukkan minat dalam pembelajaran anak-anak istimewa ini. Sebagai contoh, tidak datang berjumpa guru walaupun diminta untuk datang berjumpa dengan guru. Hal ini adalah disebabkan ibubapa tidak diberi penerangan tentang fungsi kelas pemulihan atau kelas khas yang dijalankan untuk anak-anak mereka.

Sesetengah pengetua dan guru tidak menerima secara positif penempatan murid-murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah mereka. Mereka menganggap murid-murid tersebut akan menjejaskan prestasi sekolah dalam peperiksaan dan menyusahkan pengurusan / pentadbiran sekolah. Pihak sekolah (guru besar, guru dan murid) perlu menerima secara positif murid-murid tersebut dan membenarkan mereka belajar menurut tempuh dan kemampuan masing-masing. Mereka mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan layanan serta pendidikan yang terbaik agar potensi mereka dapat berkembang ke tahap yang optimum.

Ada guru yang tidak berminat dan tidak mempunyai latihan langsung untuk mengajar murid-murid berkeperluan khas. Jika guru tidak berminat untuk mendidik murid-murid berkeperluan khas, ia akan menjejaskan murid-murid tersebut. Demikian juga jika guru tidak mempunyai latihan. Justeru, jikalau tidak ada guru yang terlatih dalam bidang Pendidikan Khas, pihak sekolah perlu mencari guru yang berminat, yang sedia untuk belajar 'on the job' dan amat prihatin serta penyayang. Hubungan kepenyayangan (caring relationship) amat mustahak dalam hubungan guru-murid bagi murid-murid berkeperluan khas.

Berdasarkan perbincangan di atas, dirasakan satu kajian perlu untuk menyelidik tentang perbandingan dalam pengajaran dan pembelajaran guru-guru Pendidikan Khas dengan guru-guru Pendidikan Biasa di sekolah rendah Daerah Johor Bahru.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk membolehkan penyelidik mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi cabaran guru-guru dalam pembelajaran dan pengajaran pendidikan khas iaitu kanak-kanak istimewa di sekolah rendah di Daerah Johor Bahru. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui :-

- a) Pembahagian tugas dan tanggungjawab bagi guru Program Khas pemulihan menjadi faktor murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran.
- b) Penyelarasan pengajaran antara guru bilik darjah biasa dengan guru Pendidikan Khas menjejaskan pembelajaran murid.
- c) Tanggungjawab guru Pendidikan Khas yang banyak menjejaskan Pengajaran dan Pembelajaran mereka terhadap kelas khas.
- d) Alatan / Kelengkapan – Keadaan bilik darjah Pendidikan Khas yang terasing dan tanpa lengkapan asas yang tidak mencukupi memberi ketidak selesaian kepada guru dan pelajar-pelajar Pendidikan Khas.

- e) Hubungan antara guru Pendidikan Khas dengan Guru Besar yang tidak memahami guru-guru Pendidikan khas dan banyak memberi tugas-tugas lain yang membebankan guru-guru Pendidikan Khas.
- f) Hubungan dengan ibubapa yang kurang menunjukkan minat dengan Pendidikan Khas ini.

Skop kajian ini hanya meliputi faktor-faktor yang mempengaruhi cabaran guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan kanak-kanak khas dari segi pembahagian tugas, penyelarasan pengajaran, tanggungjawab, alatan / kelengkapan, hubungan antara guru besar – ibubapa berdasarkan objektif kajian. Kajian ini ditumpukan kepada guru-guru di sekitar Daerah Johor Bahru iaitu sekolah rendah yang mengajar kanak-kanak Pendidikan Khas - iaitu kanak-kanak istimewa. Dalam kajian ini pembelajaran adalah aktiviti yang dilakukan oleh guru didalam bilik darjah semasa pengajaran. Pembelajaran yang dimaksudkan merupakan aktiviti yang dijalankan oleh guru yang melalui penggunaan teknik-teknik pengajaran yang menarik dan berkesan. Pendidikan Khas menurut Tompkins (1999) adalah pengajaran yang bercorak individu direka untuk memenuhi keperluan-keperluan pendidikan dan berkaitan dengan murid-murid kurang upaya. Pendidikan Khas menyediakan peluang-peluang pembelajaran yang tidak disediakan dalam kurikulum yang baku atau biasa atau perkhidmatan-perkhidmatan sekolah biasa. Kirk (1993) menjelaskan kanak-kanak yang berbeza dari kanak-kanak sederhana atau biasa dalam pelbagai kekurangan seperti mental, keupayaan deria, ciri-ciri fizikal, tingkah laku sosial atau emosi, keupayaan berkomunikasi sehinggalah ia memerlukan amalan-amalan sekolah yang diubahsuai atau perkhidmatan-perkhidmatan Pendidikan Khas supaya ia boleh berkembang sehingga kemampuan yang maksimum. Kementerian Pendidikan, (1997) menyebut satu program bagi pendidikan murid-murid dengan keperluan khas yang boleh menghadiri di dalam kelas biasa bersama dengan murid-murid biasa yang dinamakan program inklusif. Pendekatan integrasi dilaksanakan iaitu kanak-kanak ketidakupayaan belajar bersama-sama dengan rakan sebaya mereka dengan segala kemudahan pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan mereka (Lyn Gow 1990).

SOROTAN PENULISAN

Setiap kanak-kanak adalah unik, berbeza dan merupakan individu tersendiri merupakan tanggapan yang tuntas, benar dan amat tepat bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Ini bermakna, kemampuan pelajar-pelajar berpendidikan khas ini terbatas. Oleh itu mereka perlu didekati, dilayani dan dididik secara individu. Setiap murid tersebut memerlukan perhatian secara individu. Deklerasi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi 1948 dan ikrar masyarakat dunia di Persidangan Dunia mengenai pendidikan Untuk Semua 1990, menegaskan hak untuk semua mendapat pendidikan tanpa mengira perbezaan individu dan kemampuannya. Oleh yang demikian Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil satu langkah positif iaitu menyediakan satu program bagi membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah untuk belajar secara biasa mengikut kemampuan mereka dengan menitik beratkan aspek-aspek berikut:-

- e. intelek
- f. rohani
- g. jasmani
- h. emosi
- i. sosial
- j. bakat
- k. nilai-nilai moral
- l. estetika

Melalui kurikulum sekarang kanak-kanak ini dibimbing untuk menguasai kemahiran asas yang kukuh. Walau bagaimanapun masih terdapat kanak-kanak yang tidak dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang disediakan disebabkan oleh pelbagai kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran mereka. Mengikut Bogdan & Kurgelmass (1984); Mercer (1973); masalah yang timbul berpunca dari ketidak mampuan dalam diri murid dan ini menyebabkan mereka sukar mengikuti kurikulum biasa. Oleh yang demikian, tumpuan adalah untuk mengubah kekurangan-kekurangan didalam diri pelajar sahaja. Dengan ini perlu dibentuk pendidikan khas seperti berikut:-

a. Pendekatan mengeluarkan murid dari kelas biasa

Murid yang difikirkan tidak boleh mengikut kurikulum biasa dikeluarkan sama ada untuk sesuatu jangka masa, ke kelas-kelas khas atau ke sekolah khas. Tujuannya adalah untuk menyediakan pengalaman pembelajaran setimpal dengan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada murid tersebut.

b. Pendekatan pemulihan

Pendekatan ini mempunyai beberapa bentuk dan strategi. Pada asasnya pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan pencegahan yang boleh mengatasi atau mengimbuh kekurangan-kekurangan yang terdapat dikalangan murid-murid tersebut.

Sikap adalah merupakan salah satu daripada faktor yang akan menentukan kejayaan seseorang pelajar dalam pembelajaran yang dipelajari dimana sikap mempunyai hubungan yang rapat dengan tanggungjawab pelajar itu sendiri untuk memahami dan menyelesaikan tugas atau aktiviti yang diberikan oleh guru. Secara ringkasnya, sikap wujud daripada keinginan seseorang dan rangsangan oleh orang disekelilingnya. Lazimnya, sikap individu itu sendiri lambat laun akan menjadi kebiasaan yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian (Rahil, Abd. Majid, dan Zaidatul Akmar, 1998). Sikap kemungkinan besar mempengaruhi pencapaian seseorang dan adalah pengaruh penting kepada perubahan tingkah laku. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh pendidik iaitu Sharifah Alwiyah Alsagoff (1983), sikap adalah keadaan dimana seseorang individu itu dipengaruhi untuk melakukan tindak balas secara positif dan negatif terhadap individu lain.

Kajian banyak menunjukkan bahawa murid-murid yang diletakkan dalam kelas biasa, belajar dengan kanak-kanak normal, adalah menunjukkan pencapaian yang lebih baik dari mereka yang diasingkan. Kelas Pendidikan Khas yang mana murid-murid diasingkan tidak menunjukkan pencapaian yang diharapkan oleh semua pihak. Daripada pemerhatian juga didapati bahawa murid lebih berjaya jikalau mereka berada dalam kelas biasa hampir sepanjang hari berbanding dengan kelas Pendidikan Khas. Ia merupakan

amalan yang paling berkesan dan bermakna untuk anak-anak ini. Anak yang diasingkan daripada rakan sebayanya yang lain, akan dengan sendirinya memberi kesan kepada diri mereka dan juga murid-murid yang lain bahawa mereka adalah sememangnya berlainan.

Minat adalah merupakan salah satu daya penerak yang dapat membantu pelajar memberikan sepenuh perhatian kepada seseorang sama ada ianya melibatkan aktiviti atau kegiatan secara langsung atau tidak langsung . Ia merupakan pengalaman yang dapat mempengaruhi oleh tindakan individu itu sendiri dan ianya berkait rapat dengan gerakbalas emosi dan fizikal. Minat yang tinggi boleh merangsangkan seseorang individu itu untuk melakukan sesuatu perkara tanpa didesak atau dipaksa oleh orang lain yang melibatkan aktiviti dari segi pengajaran dan pembelajaran mahu pun yang melibatkan rutin seharian. Ciri-ciri ini amat diperlukan bagi memastikan wujudnya penglibatan yang maksimum dari pelajar didalam setiap aktiviti pembelajaran.

Menurut (Crow & Crow, 1980), minat adalah daya penerak yang mendorong pelajar supaya memberikan perhatian kepada seseorang, benda dan kegiatan. Ia boleh merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Minat boleh menjadi punca kepada sesuatu kegiatan itu sendiri. Arah pemikiran dipengaruhi oleh pengalaman deria dan kesedaran pengamatan untuk membolehkan deria dan kesedaran pengamatan membolehkan perubahan perhubungan diantara idea dengan proses pemikiran. Oleh yang demikian, pelajar yang mempunyai minat yang maksimum serta sikap berdisiplin akan lebih bersemangat dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi dalam setiap pembelajaran walaupun ianya sukar untuk dikuasai sepenuhnya.

Pencapaian pelajar yang lebih baik dengan persekitaran dan suasana bilik darjah yang sesuai dengan bilangan pelajar. Susun atur meja, kerusi dan peralatan adalah faktor keselesaan yang akan mempengaruhi pencapaian pelajar sama ada secara langsung atau sebaliknya. Persekitaran bilik darjah yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta keceriaan susun atau yang selesa akan menimbulkan minat kepada pelajar untuk belajar dan dapat membantu pelajar mengaplikasikan setiap kemudahan yang disediakan dengan

baik. Sharifah Alwiah (1985) menyatakan suasana bilik darjah tidak kurang pentingnya untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Bilik darjah yang cerah dan berwarna warni, selesa, riang dan terdapat interaksi guru – murid dan murid-murid yang seronok sudah pasti akan menghasilkan pembelajaran yang lebih mudah dan kekal jika dibandingkan dengan keadaan yang berlawanan.

Masyarakat pada masa kini juga melihat institusi pendidikan merupakan sebuah institusi yang boleh menjadi sumber utama bagi mendapatkan pekerjaan. Secara tidak langsung martabat pendidikan sebagai pembentuk keperibadian dan sahsiah yang baik dan berketerampilan dapat diwujudkan. Zaitun dan rakan-rakan (1991) dalam kajian terhadap kemudahan fizikal sekolah merumuskan bahawa tiada hubung kaitnya diantara kemudahan fizikal, sebaliknya ini adalah hasil daripada banyak faktor-faktor lain yang mempengaruhi seperti interaksi antara kemudahan fizikal dengan pengajaran guru, sikap pelajar, minat dan sebagainya. Rumusannya bolehlah dirangkaikan dari aspek-aspek iklim, sekolah atau fizikal, intelektual dan emosi. Memupuk aspek yang saling bersandar dalam mempengaruhi penguasaan pelajar dalam kelas-kelas pemulihan ini.

Sistem pendidikan adalah merupakan satu usaha yang berterusan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang ingin melahirkan insan berintelektual, rohani dan jasmani. Ia juga berperanan untuk memberikan pendidikan bersepadu dan bersistematik bagi menjamin kejayaan dalam bidang pembelajaran dan kurikulum. Kurikulum yang baik dan tersusun boleh menarik serta menimbulkan minat seseorang pelajar untuk mendapat pencapaian yang baik dan cemerlang dalam pelajarannya.

Melalui sistem pendidikan masa dahulu dan masa sekarang secara langsung proses pencapaian ilmu dalam pembentukan peribadi akan membawa kepada perubahan demi perubahan kepada seseorang pelajar itu. Perkara yang penting dalam menentukan pencapaian yang cemerlang adalah bergantung kepada minat dan sikap pelajar itu sendiri. Menurut Atan (1980), pembelajaran ini adalah perubahan dari pengalaman. Pengalaman yang ada seseorang itu akan digunakan untuk sesuatu tindakan atau tingkahlaku. Pembelajaran memerlukan rangsangan dan kecerdasan pemikiran.

Rangsangan yang diterima daripada alam sekeliling menjadi bahan diproses oleh kecerdasan untuk menjadi pengetahuan dan pengalaman. Menurut Rahil, Abd. Majid dan Zaidatul Akmaliah (1995), pembelajaran ialah satu gerakan ke arah penyelesaian masalah yang belum biasa ditemui mengenal pasti kuasa konsep mata pelajaran tertentu dan berupaya mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam bilik darjah kepada masalah diluar bilik

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji dimana data yang dianalisis diperolehi dari soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru yang mengajar kanak-kanak Pendidikan Khas ini. Soalan selidik yang dikemukakan kepada guru-guru biasa dan Pendidikan Khas bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi cabaran guru-guru yang mengajar kanak-kanak Pendidikan Khas.

Tempat yang dipilih bagi menjalankan kajian adalah sekolah-sekolah rendah di sekitar Daerah Johor Bahru, Johor. Populasi kajian adalah terdiri daripada 67 orang guru-guru yang sedang mengajar kanak-kanak Pendidikan Khas dan 67 orang guru-guru biasa yang mengajar di sekolah-sekolah rendah disekitar Johor Bahru. Sampel dalam kajian ini adalah terdiri daripada 40 orang guru yang sedang mengajar Pendidikan Khas dan 40 orang guru-guru biasa. Maka pemilihan sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah sampel tidak rawak bertujuan. Menurut Mohd. Najib (1997), sampel tidak rawak bertujuan iaitu penyelidik dengan sengaja memilih sample yang bertujuan mendapat jumlah sample yang mewakili populasi.

Jadual 1. Bilangan Populasi dan Sampel Responden

NAMA SEKOLAH	POPULASI	SAMPEL
1. SK. Taman Perling	7	4
2. SK Nong Chik	1	1
3. SK. Taman Suria	4	2

4. SK Taman Universiti	4	2
5. SK Sri Skudai	3	2
6. SK Perumahan Tampoi 2	3	2
7. SK Kompleks Uda	2	2
8. SK. LKTP Ulu Tebrau	1	1
9. SK. Pasir Gudang 2	6	2
10. SK. Sri Amar	3	1
11. SK Ulu Tiram	3	1
12. SK Gelang Patah	4	2
13. SK (P) Bandar Tinggi J.B.	5	2
14. SK Taman Johor Jaya 2	5	2
15. SJK (C) Pei Hwa, Tmn. Perling	2	2
16. SJK (T) Jln. Yahya Awal	2	1
17. SK. Kangkar Tebrau	3	2
18. SK Taman Rinting 2	3	2
19. SJK (C) Ulu Tiram 2	2	1
20. SJK (T) Masai	2	1
21. SK Kompleks Uda	2	1
22. SK Majidi Baharu	1	1
23. SK Taman Desa Cemerlang	1	1
24. SK LKTP Ulu Tebrau	1	1
25. SJK (C) Ping Ming	1	1
Jumlah	67	40

Instrumen kajian yang digunakan dalam pendidikan ini adalah berbentuk soal selidik. Ia dibahagikan kepada dua iaitu Bahagian 1 dan Bahagian II. Soal selidik Bahagian I merupakan maklumat latar belakang responden dan latar belakang pendidikan responden. Bahagian II pula, responden cuba menjawab setiap persoalan kajian yang telah ditetapkan. Terdapat 28 soalan yang dibahagikan kepada 4 skop kajian iaitu kemampuan kreativiti pelajar, sikap pelajar, minat pelajar, serta keadaan persekitaran dan perubahan fizikal pelajar. Soal selidik ini menggunakan skala jenis 5 mata Likert supaya memudahkan responden dapat membuat satu pilihan yang tepat terhadap setiap persoalan yang dikemukakan.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah di adakan terhadap 10 orang guru-guru sekolah rendah di sekitar Johor Bahru. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan keboleh percayaan dan kesahan item-item dalam borang soal selidik.

Menurut Mohd. Najib (1997), alat ukur yang mengukur sesuatu pemboleh ubah dengan tekal perlu mempunyai keboleh percayaan yang tinggi, nilai indeks keboleh percayaan yang melebihi 0.6 boleh dianggap mencukupi. Semua data-data diproses menggunakan perisian SPSS bagi mengira pekali keboleh percayaan. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang guru-guru yang mengajar kanak-kanak Pendidikan Khas dan 10 orang guru biasa di 8 buah sekolah disekitar Johor Bahru sebelum kajian sebenar dijalankan. Tujuan utama pelaksanaan kajian rintis adalah untuk menguji pekali keboleh percayaan setiap item dalam soal selidik. Menurut Mohd. Najib (1997), instrumen yang dibina sendiri oleh pengkaji dan dengan itu, kajian juga adalah berbentuk kajian rintis untuk menguji keobjektifan, kesahan dan keboleh percayaan alat. Melalui kajian rintis, keboleh percayaan soal selidik dapat ditentukan dimana keboleh percayaan memberikan darjah ketekalan dan ketetapan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai keboleh percayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang tekal atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi yang setara.

Keputusan analisis yang dilakukan menunjukkan alpha indeks keboleh percayaan yang diperolehi ialah bagi guru biasa 0.6675 dan bagi guru Pendidikan Khas pula ialah 0.7554. Bagi keseluruhan item menunjukkan indeks keboleh percayaan adalah sederhana.

Penyelidik mengelaskan setiap item mengikut persoalan kajian yang telah ditetapkan. Dua puluh lapan (28) item yang telah disediakan untuk bahagian II, setiap item mengandungi empat (4) maklumat tentang masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Khas berkaitan dengan pembahagian tugas, penyelarasan pengajaran, tanggungjawab, alatan / kelengkapan, hubungan dengan Guru Besar dan Pengetua, dan hubungan dengan ibubapa.

PERBINCANGAN

Penganalisan data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Dalam bahagian A, dapatan yang di analisis adalah berkisar kepada biodata responden. Sampel yang dikira sebagai responden adalah seramai 40 orang daripada 67 borang soal selidik yang telah diedarkan bagi kedua-dua jenis responden.

Majoriti responden yang mengajar Program Pendidikan Khas ini adalah terdiri daripada guru-guru perempuan iaitu 82.5 % dan guru lelaki 17.5%. Responden guru biasa yang mengajar kelas Pendidikan Biasa, guru lelaki 62.7% sementara guru perempuan 37.5%. Jumlah responden yang ramai datangnya daripada guru-guru perempuan yang ramai mengajar kelas Pendidikan Khas ini mungkin kerana guru-guru perempuan mempunyai tahap kesabaran, prihatin, lemah lembut dalam mengajar dan melayani karenah kanak-kanak istimewa ini. Dalam kajian ini pengkaji mendapati bahawa, kebanyakan guru-guru yang mengajar kanak-kanak ini mempunyai anak-anak istimewa. Guru ini berpendapat dengan mengajar sendiri anak-anak mereka yang istimewa ini mereka lebih memahami dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Majoriti responden adalah berumur dalam lingkungan 26 hingga 30 tahun sebanyak 27.5% dan lebih 41 tahun 27.5%. Selebihnya kurang 25 tahun 17.5% dan 36 hingga 40 tahun juga 17.5%. Bagi umur 31 hingga 35 tahun 10%.

Dari segi kelulusan iktisas, Sijil Perguruan adalah 57.5% guru yang mengajar adalah lepasan maktab perguruan iaitu responden yang berumur lebih 30 tahun. Manakala 42.5% kelulusan Diploma Perguruan yang baru diiktiraf oleh kerajaan. Hanya 5% adalah guru berijazah yang mengambil kursus Pendidikan Khas di UPM yang menjadi Ketua Program daerah Johor Bahru. Guru-guru yang mengajar Pendidikan Khas ini mengikuti kursus yang pelbagai di maktab perguruan iaitu 95%. Mereka secara sukarela mengajar kanak-kanak ini dalam Program Khas dengan pergi mengikuti kursus yang dianjurkan bagi setiap daerah. 2.5% mengikuti Seni Perusahaan dan jumlah yang sama mengikuti Perdagangan.

Jadual waktu untuk pengajaran Pendidikan Khas ini adalah jadual waktu anjal iaitu seorang guru akan mengajar satu kelas itu sahaja dari jam 8.00 hingga 12.30 tengahari. Dari jawapan responden lebih 27% waktu iaitu 75% seminggu diikuti 18 waktu 7.5% dan 23 hingga 26 waktu 17.5%

Dalam kegiatan ko-kurikulum pula guru-guru Pendidikan Khas juga mesti mengikuti kegiatan iaitu 70% mengikut semua yang disenaraikan. 17.5% persatuan sahaja, unit Pakaian Seragam 5% dan sukan 7.5%. Di sini menunjukkan guru-guru Pendidikan Khas tidak terkecuali dalam aktiviti-aktiviti di sekolah. Ini merupakan cabaran kepada guru-guru Pendidikan Khas ini kerana disamping mengajar kanak-kanak istimewa, mereka mesti merancang suatu cara yang kreatif untuk mengajar kanak-kanak ini. Ini akan menambah kerja dan tanggungjawab yang terpaksa mereka pikul.

Guru-guru yang mengajar Pendidikan Khas ini juga perlu menjalani kursus untuk meningkatkan kemahiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran kanak-kanak Pendidikan Khas ini. Kursus-kursus ini perlu diikuti, kerana guru-guru ini adalah terdiri kebanyakan guru biasa dan sukarela menjadi pengajar untuk program ini. Sebanyak 22.5% mengikut kursus Pendidikan Khas dan 5% mengikut kursus Pendidikan Khas Bersepadu. Sebanyak 35% mengikut kursus Pendidikan Khas Tambahan. Sebanyak 37.5% tidak pernah mengikuti sebarang kursus tetapi mengajar kelas Khas ini daripada kajian ini, pengkaji mendapati 62.5% dari responden yang mengajar dalam program ini adalah guru-guru pernah mengikuti kursus tentang Pendidikan Khas ini.

Dalam bahagian B, persepsi responden secara keseluruhan dapat dilihat melalui jadual 4.2.2 dan 4.2.4 daripada jadual tersebut, didapati bagi item 2 dan item 4 menyatakan penyelarasan pengajaran dan bidang tugas guru biasa dan guru Pendidikan Khas. Pada keseluruhannya peranan guru biasa didalam konteks inklusif memerlukan bantuan dan sokongan guru-guru Pendidikan Khas.

Bekerjasama sebagai satu kumpulan guru-guru biasa dan guru khas merupakan satu himpunan kepakaran dan resos yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan kepelbagaian murid. Kesepaduan tenaga dan pemikiran tersebut mengurangkan pergantungan kepada pendekatan pengasingan.

Responden kedua-dua jenis guru biasa dan guru Khas bersetuju bahawa keadaan bilik darjah yang tidak sempurna memberi ketidak selesaan kepada guru dan pelajar-pelajar

Pendidikan Khas . Dari segi logistik sesebuah sekolah yang merupakan tugas paling sukar, perancangan logistik merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan kejayaan program ini.

Responden juga memberikan min yang rendah untuk hubungan antara Guru Besar dengan guru Pendidikan Khas iaitu min 2.97 bagi guru Pendidikan Khas dan 3.13 bagi guru kelas biasa. Kajian menunjukkan bahawa program atau sekolah inklusif tidak akan berjaya jika Guru Besar tidak sanggup untuk memainkan peranan penting dalam proses perlaksanaannya. Guru Besar hendaklah selalu memberi sokongan kepada guru-guru ini. Satu perkara penting ialah memberi kuasa autonomi kepada guru-guru ini untuk bertindak mengikut budi bicara mereka dalam membuat keputusan yang difikirkan terbaik untuk murid-murid istimewa ini. Guru-guru ini perlu diberikan maklumat yang objektif mengenai masalah yang dihadapi oleh murid-murid berpendidikan Khas ini. Guru-guru ini juga memerlukan sokongan, galakkan dan juga ruang penghargaan daripada guru besar terhadap usaha yang dijalankan.

Daripada item yang terakhir iaitu hubungan dan kerjasama ibubapa dalam program Pendidikan Khas ini memberikan nilai min bagi guru Pendidikan Khas 3.11 dan guru kelas biasa 3.50. Guru-guru Pendidikan Khas ini tidak pasti atau berkecuali dalam pernyataan ini. Bagi guru-guru kelas biasa responden positif dari hasil kajian berpendapat hubungan dan kerjasama ibubapa dalam program ini penting dalam menjayakan program ini. Peranan ibubapa dalam program inklusif ini adalah kritikal, oleh itu jika semua ibubapa dibertahu tentang apa yang terjadi dalam kelas inklusif, besar kemungkinan mereka akan memberi kerjasama. Ibubapa boleh dijemput dari masa kesemasa untuk membantu secara sukarela dan bilik darjah sama ada untuk membantu guru atau hanya untuk menunjukkan kepada mereka bagaimana guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah ini bagi menentukan setiap keperluan dapat dipenuhi.

KESIMPULAN

Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan guru kelas biasa keberatan untuk menerima program ini. Mereka tidak sepatutnya dipersalahkan kerana mempunyai sikap negatif ini. Mereka perlu diyakinkan bahawa murid berkeperluan khas patut siberi peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kelas normal. Guru kelas biasa tidak sepatutnya dikehendaki menerima inklusif dengan tangan terbuka tanpa sebarang pembaharuan kepada situasi persekolahan sedia ada. Pembaharuan perlu dibuat bagi memastikan kejayaan pendidikan inklusif dan di akui untuk mengubah sikap itu untuk menerima pendidikan inklusif bukannya mudah untuk memenuhi keperluan kanak-kanak berpendidikan khas. Untuk kelas inklusif yang berjaya, guru biasa dan guru Pendidikan Khas perlu memberi penekanan terhadap komunikasi semua guru yang terlibat dalam program ini mesti bersikap jujur dan terbuka dalam menangani segala masalah dan peranan yang timbul. Guru-guru yang terlibat dalam kelas inklusif hendaklah bersedia untuk menghadapi sebarang rintangan dan halangan yang mendatang. Mereka juga perlu belajar untuk berkompromi dan juga membuat sesuatu yang berlainan sama sekali daripada yang dirancangkan. Disamping itu juga guru kelas biasa dan guru kelas Pendidikan Khas perlu bekerjasama dan menerima kanak-kanak berpendidikan khas yang mempunyai berbagai-bagai perbezaan individu. Kedua-dua guru kelas biasa dan guru khas perlu bersedia untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang dipersetujui serta berkesanggupan untuk menjadi “ team player ” untuk merancang dan bekerjasama dalam semua aspek aktiviti dan isu. Dan yang paling penting sekali adalah kita tidak boleh mengenyepikan, mengabaikan atau mengecilkan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas ini. Hak mereka menerima peluang pendidikan adalah sama seperti kanak-kanak biasa yang lain. Kita mesti ingat bahawa anak-anak berkeperluan khas ini mungkin adalah anak saya, anak anda atau anak kita semua.

Kajian ini mendapati terdapat perbezaan dari segi persepsi tentang beban tugas antara guru –guru biasa dan guru-guru Pendidikan Khas. Persepsi ini boleh dibetulkan melalui mesyuarat dan perbincangan antara guru terlibat supaya tidak timbul masalah salah persepsi.

Sehubungan dengan dapatan dan kesimpulan kajian, beberapa cadangan dikemukakan dengan harapan dapat memantapkan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berpendidikan khas dalam memertabatkan imej guru supaya berada di tahap yang tinggi. Antara cadangan-cadangan yang dirasakan perlu oleh penyelidik ialah :-

(1) Memaklumkan kepada semua guru dan bukan sahaja kepada guru Pendidikan Khas maklumat tentang Pendidikan Khas.

(2) Memasukkan perbincangan mengenai Pendidikan Khas kedalam agenda tiap-tiap mesyuarat guru yang diadakan. Paling tidak meminta penyelaras Pendidikan Khas sekolah memberi maklumat ringkas tentang perkembangan terkini program Pendidikan Khas sekolah untuk makluman semua.

(3) Menggalakkan guru kelas biasa melibatkan diri dalam program Pendidikan Khas sekolah, setidak-tidaknya melawat ke kelas-kelas percantuman untuk mengendali murid-murid khas secara lebih dekat.

(4) Menjalankan latihan ‘ in – house ‘ dalam Pendidikan Khas. Ini akan memberikan keyakinan kepada guru kelas biasa untuk berinteraksi dengan murid kelas khas. Sekolah latihan ini juga akan membantu guru kelas biasa jika mereka di kehendaki menjadi ‘ guru ganti ‘. Lebih penting lagi latihan ini akan meredakan perasaan jiwa guru kelas biasa apabila sekolah melaksanakan atau memperluaskan program Pendidikan inklusifnya.

(5) Menghantar guru-guru Pendidikan Khas untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan Pendidikan Khas yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan guru. Latihan yang diterima dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah dengan menjadikan guru-guru Pendidikan Khas terlatih sebagai :-

- (a) tempat rujukan guru kelas biasa
- (b) penyelaras dan pelatih latihan ‘ in – house ‘ di

sekolah

(c) Penasihat kepada semua termasuk ibubapa murid-murid bekeperluan khas dan normal tentang kebaikan inklusif.

4.4.1 Pembahagian tanggungjawab bagi guru Program Khas Pemulihan menjadi faktor murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran.

Bil	Pernyataan	Jenis Pendidikan	Peratus					Min
			STS	TS	TP	S	SS	
1	Pembahagian tugas guru-guru bilik darjah biasa adalah tidak sama dengan pembahagian guru-guru yang mengajar Pendidikan Khas.	PendidikanKhas	15	20	5	50	10	3.33
		Pendidikan Biasa	10	40	12.5	25	12.5	3.50
2	Guru-guru bilik darjah biasa memberi sokongan dan kerjasama kepada pengajaran Pemulihan dan murid berpendidikan Khas yang diletakkan dalam Kelas Inklusif (Khas)	Pendidikan Khas	25	35	20	20	-	2.44
		Pendidikan Biasa	20	35	27.5	17.5	-	2.50
3.	Guru-guru bilik darjah biasa dan guru-guru Pendidikan Khas tidak bekerjasama antara satu sama lain mengajar kelas Pemulihan di sekolah saya	Pendidikan Khas	15	40	15	30	-	3.22
		Pendidikan Biasa	2.5	20	20	45	12.5	3.10
4.	Saya merasakan tugas-tugas Pendidikan Khas lebih berat daripada guru-guru yang mengajar bilik darjah biasa`	Pendidikan Khas	30	30	20	20	-	4.00
		Pendidikan Biasa	20	27.5	20	27.5	5.0	3.00

Daripada item 1, bagi pendidikan biasa, didapati 40% iaitu 16 orang menyatakan tidak bersetuju pembahagian tugas guru biasa adalah tidak sama dengan Pendidikan Khas. Sementara 25% (10 orang) bersetuju dengan pembahagian tugas ini. 12.5% (5 orang) sangat bersetuju dengan pembahagian ini. Selebihnya 10% (4 orang) sangat tidak

bersetuju dengan pembahagian ini. Bagi 12.5% (5 orang) responden tidak pasti tentang pembahagian tugas ini.

Bagi guru Pendidikan Khas pula, 50% (20 orang) bersetuju pembahagian tugas adalah tidak sama dengan guru-guru pendidikan biasa. 20% (8 orang) tidak setuju tentang pembahagian tugas ini, 6 orang responden (15% sangat tidak setuju dengan pembahagian tugas ini. 10% (4 orang) sangat setuju pembahagian tugas guru biasa dengan guru Pendidikan Khas adalah sama. 5% (2 orang) tidak pasti sama ada pembahagian tugas ini adil.

4.4.2 Penyelarasan Pengajaran antara guru bilik darjah biasa dengan guru Pendidikan Khas menjejaskan pembelajaran murid.

Bil	Pernyataan	Jenis Pendidikan	Peratus					Min
			STS	TS	TP	S	SS	
5.	Penyelarasan pengajaran antara guru Pendidikan Khas dengan guru biasa diselaraskan dengan baik disekolah saya	Pendidikan Khas	10	35	25	15	15	3.11
		Pendidikan Biasa	10	27.5	35.0	20	7.5	3.00
6.	Terdapat jurang perhubungan antara guru bilik darjah biasa dengan guru Pendidikan Khas di sekolah saya	Pendidikan Khas	30	35	10	20	5	3.33
		Pendidikan Biasa	20	40	17.5	17.5	5	3.00
7.	Kebanyakan guru-guru Pendidikan Khas memisahkan diri dan pengajaran daripada kurikulum biasa	Pendidikan Khas	10	10	15	45	20	2.22
		Pendidikan Biasa	10	22.5	20	32.5	15	3.00

8.	Saya dapati tidak ada penyelarasan antara isi Kurikulum kelas biasa dengan kelas pemulihan dan keadaan ini menjejaskan pembelajaran murid-murid Khas ini.	Pendidikan Khas	-	25	30	35	10	3.56
		Pendidikan Biasa	2.5	12.5	42.5	37.5	5.0	3.30

4.4.3 Beban Tugas guru Pendidikan Khas yang banyak menjejaskan tanggungjawab mereka terhadap kelas Khas.

Bil	Pernyataan	Jenis Pendidikan	Peratus					Min
			STS	TS	TP	S	SS	
9.	Saya dapat menunjukkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berpendidikan khas	Pendidikan Khas	10	30	30	20	10	4.00
		Pendidikan Biasa	7.5	0	35	27.5	10	3.30
10.	Kursus-kursus yang berkaitan perlu di adakan dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan guru Pendidikan Khas	Pendidikan Khas	-	15	5	20	60	4.67
		Pendidikan Biasa	2.5	10	10	35	42.5	3.80
11.	Tahap kemahiran yang diperolehi semasa kursus adalah tinggi dan mencukupi untuk pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berpendidikan khas	Pendidikan Khas	5	35	35	10	15	3.11
		Pendidikan Biasa	2.5	20	55	12.5	10	3.00

12.	Kursus-kursus yang pernah diikuti dirasakan mencukupi untuk memahirkan diri saya dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak Pendidikan Khas	Pendidikan Khas	10	35	40	5	10	4.22
		Pendidikan Biasa	10	2.5	42.5	37.5	7.5	3.60

4.4.4 Tanggungjawab guru kelas Pendidikan Khas dan kelas biasa terdapat kurang kerjasama antara satu sama lain.

Bil	Pernyataan	Jenis Pendidikan	Peratus					Min
			STS	TS	TP	S	SS	
13.	Kaedah mengajar kanak-kanak Pendidikan Khas adalah tidak sama seperti mengajar kanak-kanak biasa.	Pendidikan Khas	15	5	50	20	10	1.67
		Pendidikan Biasa	45	30	20	2.5	2.5	2.00
14.	Saya dapati mengajar kanak-kanak berpendidikan Khas memenatkan daripada mengajar kanak-kanak biasa.	Pendidikan Khas	15	5	50	20	10	4.33
		Pendidikan Biasa	12.5	5	50	22.5	10	2.90
15.	Pembahagian tugas sampingan yang diberi kepada saya adalah tidak adil dan saksama	Pendidikan Khas	5	25	40	20	10	3.22
		Pendidikan Biasa	2.5	17.5	52.5	17.5	10	3.30

16.	Perlaksanaan Ko-kurikulum menyebabkan saya terpaksa melakukan kerja-kerja yang lebih	Pendidikan Khas	25	30	25	15	5	3.56
		Pendidikan Biasa	5.0	7.5	32.5	37.5	17.5	3.60

4.4.5 Kelengkapan / Alatan - Keadaan bilik darjah yang tidak sempurna memberi ketidak selesaan kepada guru dan pelajar-pelajar Pendidikan Khas.

Bil	Pernyataan	Jenis Pendidikan	Peratus					Min
			STS	TS	TP	S	SS	
17.	Keadaan bilik darjah untuk kanak-kanak Pendidikan Khas jauh terasing atau ditempat yang tidak selesa seperti dibawah tangga, kantin dan bilik yang terlalu kecil.	Pendidikan Khas	40	15	25	10	10	3.11
		Pendidikan Biasa	27.5	12.5	35	15	10	3.20
18.	Kelengkapan asas yang sedia ada disekolah saya tidak mencukupi untuk mengajar kanak-kanak Pendidikan Khas	Pendidikan Khas	20	15	5	40	20	4.33
		Pendidikan Biasa	12.5	15	20	32.5	20	3.50

19.	Tempat untuk melakukan aktiviti riadah bagi kanak-kanak tidak sempurna atau tidak disediakan di sekolah saya	Pendidikan Khas	10	15	5	55	15	4.33
		Pendidikan Biasa	5.0	22.5	2.5	42.5	17.5	3.50
20.	Bilik darjah kanak-kanak Pendidikan Khas tidak dilengkapi kemudahan yang sepatutnya seperti kipas angin, tingkap, tempat meletak bag dan minuman dan perkara-perkara lain.	Pendidikan Khas	30	30	5	15	20	3.11
		Pendidikan Biasa	25	22.5	22.5	15.0	15.0	2.80

4.4.6 Hubungan antara guru Pendidikan Khas dengan Guru Besar dalam Program Pendidikan Khas ini.

Bil	Pernyataan	Jenis Pendidikan	Peratus					Min
			STS	TS	TP	S	SS	
21.	Guru Besar di sekolah saya mendapat pendedahan melalui program pemulihan atau kelas khas	Pendidikan Khas	10	10	25	35	20	2.89
		Pendidikan Biasa	5	10	35	30	20	3.40
22.	Guru Besar menganggap kerja guru Pendidikan Khas senang dan ringan	Pendidikan Khas	10	20	35	20	15	2.44
		Pendidikan Biasa	7.5	15	42.5	15	20	2.90

23.	Guru Besar tidak sepatutnya memberi tugas-tugas lain seperti Guru Pusat Sumber atau jawatan-jawatan lain kepada guru Pendidikan Khas	Pendidikan Khas	25	5	15	20	35	3.89
		Pendidikan Biasa	20	20	25	20	15	3.30
24.	Guru Besar kurang memberi kerjasama kepada guru-guru yang mengajar Pendidikan Khas	Pendidikan Khas	15	30	25	10	20	2.67
		Pendidikan Biasa	12.5	25	30	17.5	15	2.90

4.4.7 Hubungan dan kerjasama ibubapa dalam program Pendidikan Khas ini

Bil	Pernyataan	Jenis Pendidikan	Peratus					Min
			STS	TS	TP	S	SS	
25.	Ibubapa kurang menunjukkan minat dalam pembelajaran anak-anak mereka yang berpendidikan khas	Pendidikan Khas	10	10	30	35	15	3.78
		Pendidikan Biasa	5.0	7.5	40.0	32.5	15	3.60

26.	Ibubapa tidak memberi kerjasama berjumpa guru walaupun diminta untuk datang berbincang tentang anak-anak mereka yang berpendidikan khas ini.	Pendidikan Khas	5	15	35	25	20	4.0
		Pendidikan Biasa	5	15	32.5	27.5	20	3.70
27.	Ibubapa tidak diberi penerangan tentang fungsi kelas pemulihan atau kelas khas yang dijalankan untuk anak-anak mereka	Pendidikan Khas	20	20	25	25	10	2.78
		Pendidikan Biasa	12.5	15	37.5	25	10	3.40
28.	Hubungan ibubapa yang mempunyai anak-anak Pendidikan Khas dengan pihak sekolah adalah baik.	Pendidikan Khas	20	40	10	25	5	1.89
		Pendidikan Biasa	10	32.5	30	22.5	5	3.30

BIBLIOGRAFI

Ainscow, M (1977) : *Towards inclusive schooling* **British Journal of Special Education** Vol. 24. No. 1 (pp. 3-6)

Atan Long (1980). *Pedagogi, Kaedah Am Mengajar.* **Petaling Jaya, Fajar**

Bakti

- Bayliss, P (1998)** *Models of complexity: Theory – driven intervention Practices.* In **Clark, C; Dyson, A; and Millward, A (ed)** **Theorising Special Education.** London. **Routledge**
- Beh- Pajooh, A (1992) :** *The effect of social contact on college teachers Attitudes towards student with severe mental handicapped and their Educational integration.* **European Journal of special Needs Education.** Vol. 7. No.2 (pp. 87 – 103)
- Bogdan, R & Kugelmass, J, 1984.** *Case studies of mainstreaming: A Symbolic interactionist approach to special schooling. Special Education and Social Interest,* **L. Barton & S. Tomlinson (Pyt).** London : **Croom Helm.**
- Bowman, I (1989) :** *Teacher training and the Integration of handicapped Pupils: A UNESCO study.* In **Jones. N (Ed).** *Special Educational Needs Review.* East Sussex. **Falmer Press.**
- Crossman (1964).** “ *Human Motivation* ” , **Brooks Cole Co, Washington, D.C.**
- Crow, L.D. and Crow, M.A. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan.* (Terjemahan Habibah Bt. Elias) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Culatta, R.A. & Tompkins, JR., “ *Fundamentals of Special Education* ”, 1999.
- Hallahan, D.P & Kauffman, J.M., “ *Exceptional Learners* ” (1997)

Kamariah Jalil (1995): ***Pendidikan inklusif: Pendidikan untuk semua. Konsep dan pelaksanaan (Inclusive education. Education for all. Conceptual and Implementation)***. Seminar working paper. School Division. Ministry of Education. Malaysia. Kuala Lumpur Government Printers

Kirk, S.A. et al, “ ***Educating Exceptional Children*** ” (7th ed.), 1993

Marozas, D., & May, D. (1998). ***Issues and practices in special education***. NY: Longman.

Mohd. Najib (1997) ***Asas Penyelidikan Sains Sosial Johor***. Universiti Teknologi Malaysia

Mercer, J. 1973. ***Labeling the mentally retarded***. Berkeley: University of California Press.

Mohd. Majid Konting (1990). ***Kaedah Penyelidikan Pendidikan*** , Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Meluaskan Horizon Pembelajaran (1998, 14 Mei) Utusan Malaysia, Muka Surat 28.

Noraini Salleh (1995) : ***Curriculum planning for special education Programmes***. National University of Malaysia. UMI (University Information Services). Michigan. H. Bell and Howell Information.

Rahil Mahyuddin, Abd. Majid Mohd Isa dan Zaidatol Akmaliah Lopie Pihie (1995), “ ***Asas Pendidikan II (Psikologi Dalam Bilik Darjah)***. ” Longman (M) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Syarifah Alwiah Alsagoff (1993). "*Ilmu Pendidikan Pedagogi.*",
Heinemann Asia : Kuala Lumpur

Ysseldyke, J., & Algozzine, C. (1982). *Critical issues in special and Remedial education.* Boston: Houghton Mifflin.